

08 MAY 1996

Pemuda-Osman

PEMUDA: UMNO KUBANG PASU HARUS TERUS BERSATU

JITRA, 8 Mei (Bernama) -- Ketua Pemuda UMNO Bahagian Kubang Pasu, Ahmad Aroff, tidak memecah belah perpaduan anggota UMNO bahagian itu.

Semua anggota UMNO bahagian harus terus bersatu dan menerimanya dengan terbuka, katanya kepada pemberita selepas mengadakan mesyuarat khas Pemuda yang membincangkan isu perletakan jawatan itu.

Mesyuarat selama dua jam yang berlangsung di Pejabat UMNO Kubang Pasu itu dihadiri oleh 18 anggota jawatankuasa Pemuda bahagian.

Mesyuarat itu pada mulanya dijangka akan turut disertai oleh Ketua Pergerakan Wanita bahagian, Barishah Saad tetapi menarik diri kemudian.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad merupakan ketua bahagian itu dan Osman pula timbalan ketua.

Mengenai mesyuarat itu, Ahmad Zaini berkata, mereka membincangkan berkenaan perletakan jawatan Osman tetapi tidak membuat sebarang keputusan mengenai perkara itu.

Sementara itu, wartawan yang berada di tempat mesyuarat itu diberitahu kononnya ada anggota UMNO bahagian itu akan mengadakan perhimpunan sebagai tanda sokongan kepada Osman di tempat letak kereta sebuah pusat beli-belah di sini.

Selepas menunggu lebih dua jam mereka mendapat maklumat bahawa perhimpunan itu dibatalkan. -- Bernama

MZM MFJ.